

Terdahulu, Zuraida menghadiri Konvensyen Pemerksaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2019 bersempena Persidangan Asia Pasifik Urban Ke-7 (APUF-7) di Pusat Konvensyen SPICE, di sini.

Konvensyen bertema 'PBT Perkasa, Rakyat Sejahtera' itu menghimpunkan 155 PBT dari seluruh negara dengan objektif utamanya adalah sebagai pentas perkongsian amalan terbaik berkaitan isu kerajaan tempatan.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata cadangan tempoh jawatan Ahli Majlis sehingga lima tahun itu masih dibincangkan secara terperinci sebelum ia dapat dibentangkan di Kabinet.

"Akta sedia ada sekarang tiada tempoh untuk jawatan Ahli Majlis, ia tertakluk kepada dasar PBT masing-masing.

"Jadi, jika ini dipersetujui oleh Kabinet, kita akan pinda akta supaya ia diseragamkan di semua negeri," katanya.

Sementara itu, Zuraida memaklumkan peruntukan RM100 juta yang disediakan kerajaan pada Belanjawan 2020 bagi penyelenggaraan rumah pangsa, akan digunakan sepenuhnya bagi tujuan membaiki semua lif yang uzur.

Katanya, ia membabitkan 197 projek membaiki lif kediaman pangsapuri kos rendah di seluruh negara.

"Semua peruntukan RM100 juta itu kita akan tumpu untuk baik pulih lif rumah kos rendah, di mana satu mekanisme akan dibentuk untuk kita fikirkan bagaimana mahu kendalikan wang ini supaya ia digunakan untuk projek membaiki lif.

"Disamping itu, kita juga mahu wujudkan program kesedaran kepada penghuni kediaman terbabit," katanya.